

Pembangunan Wilayah: Relevankah Penubuhan Semula Lembaga Kemajuan Wilayah Pahang Tenggara dan Jengka?

Aswari Rakawi¹, Zaraurah Mohamad², Nur Farahin Fazliana Mohd Farizi³,
Mohd Redzuan Abd Rashid⁴, Rafeah Salim⁵, Fadilah Puteh^{6*}

^{1,2} Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, ³Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, ⁴Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, ⁵Institut Kemajuan Luar Bandar, ⁶Universiti Teknologi MARA Shah Alam

Corresponding Author: fadilahputeh@uitm.edu.my

Abstrak

Penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ) merupakan satu strategi pembangunan terancang kerajaan bagi mempercepatkan pembangunan wilayah mundur di negeri Pahang ke arah mencapai keseimbangan pembangunan antara wilayah. Namun begitu, kedua-dua agensi DARA dan LKWJ telah dibubarkan secara rasmi pada tahun 2000. Objektif kajian ini bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat keperluan untuk menubuhkan semula agensi DARA dan LKWJ. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Data primer diperoleh daripada kajian perbincangan kumpulan fokus dan temubual berstruktur bersama 64 orang yang terlibat secara langsung dalam pembangunan wilayah sebelum, semasa dan selepas pembubaran. Manakala sumber data sekunder diperoleh daripada dokumen dan laporan pembangunan wilayah sedia ada. Data kajian ini seterusnya dinilai menggunakan kaedah Multi Criteria Decision Making (MCDM) berdasarkan 6 kriteria utama iaitu sosioekonomi, pembangunan fizikal, peruntukan pembangunan, perbandingan dengan Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) lain, pandangan pihak berkepentingan serta perundangan dan tadbir urus. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiada keperluan untuk menubuhkan semula kedua-dua agensi tersebut.

Kata kunci: pembangunan wilayah, penubuhan semula agensi, DARA, LKWJ, pembangunan luar bandar

Abstract

The establishment of the South East Pahang Regional Development Authority (DARA) and Jengka Regional Development Authority (LKWJ) were government-planned development strategy to accelerate the development of the backward region in Pahang towards achieving a balance of development between regions. However, the DARA and LKWJ agencies were officially disbanded in 2000. The objective of this study aims to determine whether there is a need for the re-establishment of DARA and LKWJ. The study utilizes qualitative and quantitative method. Primary data was obtained from focus group discussions and structured interviews with 64 individuals who were directly involved in the regional development before, during and after the dissolution. While secondary data were obtained from existing regional development documents and reports. The data of this study is further evaluated using the Multi Criteria Decision Making Method (MCDM) based on 6 main criteria, namely socio-economic, physical development, development allocation, comparison with other Regional Development Authority (LKW), stakeholder views as well as legislation and governance. The results of the study shows that there is no need for re-establishment of both agencies.

Keywords: regional development, agency re-establishment, DARA, LKWJ, rural development

Received: 15 September 2023
Accepted: 25 February 2024
Published: 30 April 2024

PENGENALAN

Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ) merupakan agensi Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) yang telah ditubuhkan pada tahun 1972 dan 1983 sebagai strategi pembangunan terancang Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) - kini dikenali sebagai Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) untuk mempercepatkan pembangunan wilayah mundur ke arah mencapai keseimbangan pembangunan antara wilayah. Pada tahun 1992, Kerajaan telah melaksanakan kajian bagi meneliti semula peranan LKW. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat pertindihan fungsi jabatan/agensi di beberapa wilayah, perundangan semasa (Akta Kerajaan Tempatan) yang membawa implikasi kepada peranan LKW sebagai perancang, baki kerja-kerja pembangunan infrastruktur awam hanya dalam skala kecil.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada tahun 1993 telah bersetuju untuk membubarkan DARA dan LKWJ dengan fungsi tertentu diserahkan kepada jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat swasta. DARA dan LKWJ telah dibubarkan secara rasmi pada tahun 2000 melalui akta parlimen (Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Pembubaran 1997 [Akta 569]) dan (Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (Pembubaran 1997 [Akta 567])).

Sejak dibubarkan, terdapat dua (2) kajian telah dilaksanakan berhubung DARA dan LKWJ. Kajian pertama dilaksanakan pada tahun 2005 dilaksanakan bertujuan meneliti impak pembubaran kepada kawasan bekas DARA dan LKWJ. Dapatan kajian ini mendapati pembubaran DARA dan LKWJ adalah tidak wajar pada ketika itu. Manakala, kajian kedua dilaksanakan pada tahun 2010 bagi mengkaji semula keperluan penubuhan semula DARA dan LKWJ. Hasil kajian mendapati dan merumuskan bahawa tiada keperluan penubuhan semula tersebut memandangkan peranan pemajuan wilayah telah diambil alih oleh agensi lain.

Pada tahun 2019, KKDW telah menerima permohonan supaya DARA dan LKWJ ditubuhkan semula. Kementerian bersetuju supaya satu kajian kebolehlaksanaan

(*feasibility study*) dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat secara terperinci dan menyeluruh di kawasan DARA dan LKWJ memandangkan kajian terakhir telah dilaksanakan pada tahun 2010.

Kajian ini bertujuan membincangkan mengenai keperluan penubuhan semula DARA dan LKWJ dan membantu penggubal dasar membuat keputusan sebagaimana kajian tahun 2021 berdasarkan kriteria sosioekonomi, pembangunan fizikal, peruntukan pembangunan, perbandingan dengan LKW lain, pandangan pihak berkepentingan dan, perundangan dan tadbir urus.

KAJIAN LITERATUR

Bahagian ini membincangkan mengenai pembangunan wilayah, sejarah penubuhan LKW, pembubaran kedua-dua agensi DARA dan LKWJ, kajian-kajian lepas berhubung LKW, DARA dan LKWJ serta kriteria-kriteria dalam menentukan keperluan penubuhan semula DARA dan LKWJ.

Pembangunan Wilayah

Matlamat pembangunan wilayah adalah untuk mengurangkan ketidakseimbangan melalui pengagihan manfaat sosioekonomi yang lebih baik dalam kalangan wilayah dan merentas semua negeri bagi menggalakkan pertumbuhan saksama dan meningkatkan kesejahteraan rakyat (Kementerian Ekonomi Malaysia, 2018). Pembangunan Wilayah mengikut definasi KKDW merangkumi pembangunan kawasan di luar bandar dan juga daerah pedalaman (KPLB, 2020). Kalogiannidis et. al (2022) turut berpendapat pembangunan wilayah adalah pemacu utama untuk kelangsungan ekonomi dan kesejahteraan wilayah.

Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW)

LKW merupakan strategi pembangunan wilayah berdasarkan konsep pembangunan kawasan yang telah diperkenalkan semasa pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971. Penubuhan LKW bertujuan untuk mempercepatkan pembangunan, mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan

dan mempercepat pertumbuhan ekonomi. LKW diberi kuasa melalui akta tubuh masing-masing bagi melaksanakan fungsi dan peranannya (KPLB, 2020). Ugwu (2022) bersetuju bahawa kehadiran agensi membantu dalam kemajuan sesuatu wilayah.

DARA dan LKWJ

DARA dan LKWJ masing-masing telah ditubuhkan pada tahun 1972 dan 1983 melalui Akta 68 dan Akta 285. Kedua-dua agensi ini diletakkan di bawah kawal selia KKDW (Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, 1999). Kawasan operasi DARA mempunyai keluasan 1,002,197 hektar meliputi daerah Rompin, Pekan dan Bera. Manakala, kawasan operasi LKWJ berkeluasan 196,728 hektar meliputi daerah Maran, Temerloh dan Jerantut (Johari Mat, 1979).

Pembubaran DARA dan LKWJ

DARA dan LKWJ telah dibubarkan masing-masing melalui Akta 569 dan Akta 567 pada tahun 2000. Faktor utama mendorong kepada keputusan adalah kerana kerajaan mendapati bahawa peranan-peranan asas pembangunan khususnya dari segi pembukaan semula sempadan (*reopening up of the frontier*) serta meningkatkan pembangunan dan kesejahteraan rakyat di kawasan *in-situ* telah berjaya dilaksanakan di samping terdapat pertindihan fungsi. Pembubaran ini juga selaras dengan strategi dan dasar kerajaan ke arah mengecilkan saiz perkhidmatan awam melalui urusan merasionalisasi dan menyusun semula peranan serta fungsi agensi-agensi kerajaan. Di Amerika Syarikat, The Office of Technology Assessment, sebuah agensi persekutuan Amerika Syarikat turut dibubarkan atas faktor yang sama (John F, 2020).

Kajian Lepas Mengenai DARA dan LKWJ

Beberapa kajian telah dilaksanakan sebelum dan selepas pembubaran DARA dan LKWJ bagi mendapatkan gambaran terperinci terutamanya berhubung faktor dan impak pembubaran serta keperluan untuk mengekalkan atau menubuhkan semula LKW. Berikut merupakan beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan DARA dan LKWJ.

Kajian Semula Peranan LKW, 1993 (ICU, JPM)

Kajian ini dilaksanakan pada tahun 1993 iaitu sebelum pembubaran DARA dan LKWJ. Kajian semula peranan LKW ini telah dijalankan oleh pihak ICU, Jabatan Perdana Menteri (JPM). Kajian mendapati bahawa DARA dan LKWJ telah berjaya mengimbangkan pembangunan wilayah mengambil kira faktor baki kerja pembangunan yang belum dilaksanakan adalah berskala kecil, kerja bersifat pengurusan dan penyelenggaraan, implikasi Akta Kerajaan Tempatan dan pertindihan fungsi dengan jabatan/agensi lain.

Kajian Impak Pembubaran LKWJ dan DARA, 2005 (CPS, USM)

Kajian Impak Pembubaran LKWJ dan DARA telah dilaksanakan oleh KKLW pada tahun 2005 bagi mengkaji kesan pembubaran DARA dan LKWJ ke atas pelaksanaan projek pembangunan yang ditinggalkan, isu-isu organisasi, keupayaan agensi pengganti dan seterusnya mencadangkan strategi baharu. Pihak perunding dari CPS Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengetuai kajian impak pembubaran kedua-dua wilayah pada tahun 2005. Kajian ini berpandangan bahawa pembubaran DARA dan LKWJ adalah tidak wajar pada ketika itu. Kajian ini turut mengenal pasti impak positif pembubaran seperti (i) pengecilan saiz perkhidmatan awam, (ii) menghapuskan pertindihan fungsi, dan sekaligus (iii) mengurangkan perbelanjaan kerajaan.

Strategic Review of The Dissolution of LKW DARA and JENGKA, 2010 (PWC)

Mesyuarat Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada tahun 2009 telah bersetuju supaya satu kajian dilaksanakan bagi mengkaji kesan pembubaran kepada DARA dan LKWJ. Pihak perunding dari PriceWaterhouse Coopers telah dilantik bagi mengkaji kesan pembubaran kedua-dua wilayah pada tahun 2010. Kajian ini telah mengenal pasti agensi dan jabatan yang bertanggungjawab secara langsung dalam pembangunan di kawasan bekas DARA dan LKWJ sekali gus mendapati tiada keperluan penubuhan semula LKW di kawasan bekas DARA dan LKWJ.

Kajian Rasionalisasi LKW dan Pihak Berkuasa Koridor (PBK), 2017 (KPMG)

Kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian Ekonomi pada tahun 2017 ini telah dilaksanakan bagi mengkaji semula fungsi dan hala tuju strategik LKW dan Pihak Berkuasa Koridor (PBK) sedia ada di Semenanjung Malaysia. Pihak perunding dari KPMG telah diberi mandat untuk melaksanakan kajian rasionalisasi ini pada tahun 2017. Dapatan kajian tidak mencadangkan pembubaran atau penggabungan mana-mana LKW atau PBK tetapi mencadangkan kaedah rasionalisasi seperti berikut iaitu (i) meneliti semula fungsi LKW; (ii) pengagihan semula fungsi; (iii) pembubaran; (iv) melihat semula tujuan LKW dan PBK; atau (v) penggabungan LKW dan PBK. Kajian ini mencadangkan supaya LKW sedia ada untuk meneliti semula fungsi atau melihat semula tujuan LKW dan PBK.

Faktor Kejayaan Kritikal Pengurusan Pembangunan Wilayah

Sa'at et. al. (2023) telah mengenal pasti lima (5) Faktor Kejayaan Kritikal (CSF) dalam pengurusan program pembangunan wilayah iaitu (i) pemilikan semua peringkat, (ii) penciptaan kuasa, (iii) pelengkap antara pihak negeri, (iv) pelengkap pihak berkuasa pembangunan wilayah serta (v) perkongsian awam dan swasta.

Kriteria Dalam Menentukan Penubuhan Semula DARA dan LKWJ

KKDW telah mengadaptasi kajian terdahulu dan menetapkan enam (6) kriteria dalam menilai keperluan penubuhan semula DARA dan LKWJ iaitu (i) sosioekonomi, (ii) pembangunan fizikal, (iii) peruntukan pembangunan, (iv) perbandingan dengan LKWJ lain, (v) pandangan pihak berkepentingan serta (vi) perundangan dan tadbir urus. Kriteria yang dipilih adalah selari dengan dapatan kajian Ramadanti et. al (2023) yang menyatakan perbelanjaan kerajaan dalam pendidikan, kesihatan, indeks pembangunan manusia dan pendidikan memberi kesan kepada ekonomi dan seterusnya keseimbangan wilayah.

METODOLOGI KAJIAN

Gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif digunakan berdasarkan keperluan kajian yang bersifat penerokaan terhadap keperluan penubuhan semula DARA dan LKWJ secara menyeluruh. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data temu bual berstruktur, perbincangan kumpulan fokus, dan penelitian dokumen dan rekod bagi memperoleh data primer dan sekunder. Seterusnya, data dinilai menggunakan kaedah analisis kandungan.

Pengumpulan data primer di lapangan adalah menggunakan kaedah Perbincangan Kumpulan Fokus (*Focus Group Discussion*) dan Temubual Berstruktur (*Structured Interview*). Pengumpulan data ini melibatkan seramai 64 informan yang ditemu bual melalui 3 sesi yang berlainan. Manakala, perbincangan kumpulan fokus dalam 5 kumpulan hanya melibatkan sebahagian daripada informan. Sesi temu bual dan perbincangan kumpulan fokus ini dijalankan secara bersemuka dan dalam talian.

Data sekunder diperolehi daripada pengumpulan sorotan literatur dari pelbagai sumber termasuk laporan, buku, jurnal, prosiding, seminar, konferens, bengkel dan maklumat yang dikumpul secara manual dan elektronik. Data sekunder dalam konteks kajian ini adalah seperti dokumen dasar Kementerian, laporan tahunan LKW, kajian-kajian lepas, statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan lain-lain maklumat yang dibekalkan kerajaan.

Informan yang dipilih adalah daripada individu dari pihak-pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung sebelum, semasa dan selepas pembubaran DARA dan LKWJ. Penentuan pemilihan informan ini adalah berdasarkan rujukan sorotan literatur dari data sekunder seperti Akta, buku laporan, dan kajian lepas. Teknik penentuan informan ini dapat memastikan populasi yang dikaji mempunyai pengetahuan mendalam dan khusus berkaitan subjek yang akan dibincangkan (Suyash Jolly, 2020).

Temubual berstruktur bertujuan untuk memberi konteks yang sama bagi setiap soalan kepada semua individu yang ditemu bual. Terdapat soalan yang sama dan khusus kepada pihak-pihak berkepentingan. Kaedah ini kerap digunakan dalam pengumpulan

data bagi kajian kualitatif kerana mempunyai tahap keberkesanan dan kesahan yang tinggi.

Berdasarkan kajian oleh Hennink et. al (2021), ketepuan data (*saturation point*) boleh dicapai dalam julat temu bual yang terperinci (9–17) atau perbincangan kumpulan fokus (4–8), terutamanya dalam kajian dengan populasi kajian yang bersifat homogen dan objektif yang telah ditakrifkan secara terperinci. Maka, data primer bagi kajian ini boleh dikategorikan sebagai data yang telah mencapai data tepu.

Data kajian seterusnya dianalisa menggunakan kaedah analisis kandungan yang terdiri daripada analisis deskriptif dan kritikal. Analisa deskriptif melibatkan analisa menggunakan peratusan, frekuensi, jadual taburan bagi meringkaskan data, mencari corak atau taburan untuk memberi penjelasan dan rujukan kepada kajian. Pemilihan kaedah analisis kritikal dibuat berdasarkan sifat kajian yang melibatkan penyelidikan mendalam, analisis laporan-laporan dan dokumen perundangan sebelum dan selepas pembubaran DARA dan LKWJ bagi mendapatkan keterangan dan sokongan pada setiap hujah yang dicadangkan dalam laporan.

Berdasarkan adaptasi daripada sorotan literatur dan kajian lepas, analisa lanjut menggunakan *Multi Criteria Decision Making Method* (MCDM) telah dibangunkan bagi menilai keperluan penubuhan semula DARA dan LKWJ dengan 6 kriteria utama iaitu (i) sosioekonomi, (ii) pembangunan fizikal, (iii) peruntukan pembangunan, (iv) perbandingan dengan LKW lain, (v) pandangan pihak berkepentingan serta (vi) perundangan dan tadbir urus. MCDM adalah kaedah yang berupaya untuk mempertimbangkan kriteria terbaik secara serentak bagi menganalisa masalah yang bersifat kompleks (Ali Jahan, 2013).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian adalah menggunakan MCDM dengan kaedah perbandingan dari pelbagai dimensi dalam membuat suatu analisa. Jadual 1 merumuskan hasil kajian oleh KPLB dalam tahun 2021.

Jadual 1:

Ringkasan Penemuan Hasil Kajian Penubuhan Semula Wilayah DARA dan LKWJ

| Sosioekonomi | Pembangunan Fizikal | Peruntukan Pembangunan | Perbandingan dengan LKW Lain | Pandangan Pihak Berkepentingan | Perundangan dan Tadbir Urus |
|--------------------|--|------------------------|------------------------------|---|--|
| Penduduk | X Guna tanah | / ECERDC | X Pendapatan Penduduk | X EXCO/ ADUN/ Penghulu Mukim | Obligasi Perjanjian Penswastaaan X |
| Pendapatan | / Infrastruktur | X Kerajaan Negeri | X Peruntukan | X PBT/ PDT | Pengambil-alihan Fungsi oleh Agensi Lain X |
| Pekerjaan | / Penyelenggaraan | / PBT | X Kajian Lepas | X PBT Agensi/ Jabatan di Peringkat Negeri | / Prestasi TDKSB dan WJHSB X |
| Insiden Kemiskinan | / Kampung tradisional, Orang Asli dan Penempatan FELDA | X | | Syarikat Swasta yang Mengambil-alih | X |
| | Pengambil-alihan kawasan oleh PBT | X | | ECERDC | / |

Nota: X = Tidak Perlu, / = Perlu

Sumber: Laporan Akhir Kajian Cadangan Penubuhan Semula Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ) 2021

Sosioekonomi Penduduk

Kriteria ini mengkaji dengan membandingkan 4 sub-kriteria seperti (i) taburan penduduk, (ii) pendapatan, (iii) pekerjaan, dan (iv) insiden kemiskinan sebelum dan selepas pembubaran. Bagi sub-kriteria taburan penduduk, pendapatan dan insiden kemiskinan, perbandingan dibuat berdasarkan nilai purata di peringkat negeri dan analisis pekali Gini. Bagi kriteria sosioekonomi, kajian ini mendapati hanya sub-kriteria taburan penduduk yang menunjukkan nilai positif. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat keperluan penubuhan semula dibawah kriteria sosioekonomi penduduk.

Pembangunan Fizikal

Pembangunan fizikal dinilai melalui 5 sub-kriteria utama iaitu (i) guna tanah, (ii) infrastruktur, (iii) penyelenggaraan, (iv) bilangan penempatan (kampung tradisional, kampung orang asli dan penempatan FELDA) sebelum dan selepas pembubaran, serta (v) pengambilan kawasan DARA dan LKWJ oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi kriteria ini, keadaan infrastruktur, bilangan penempatan, dan pengambilalihan kawasan oleh PBT menunjukkan terdapat aktiviti pembangunan fizikal yang positif dan dan ruang lingkup (*spatial*) kemudahan awam adalah mencukupi. Manakala bagi sub-kriteria guna tanah dan penyelenggaraan, aspek ini memerlukan perhatian lanjut oleh pihak yang berkaitan. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati tiada keperluan penubuhan semula dari sudut pembangunan fizikal.

Peruntukan Pembangunan

Kriteria ini dinilai dari 3 sub-kriteria utama iaitu mengkaji peruntukan pembangunan yang diagihkan kepada kawasan bekas DARA dan LKWJ melalui (i) ECERDC, (ii) peruntukan khusus, Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, dan (iii) Pendapatan PBT. Penelitian dokumen menunjukkan peruntukan pembangunan diterima secara berterusan dan membantu dalam pembangunan fizikal, sosial, ekonomi serta pembangunan modal insan. Berdasarkan peruntukan yang disalurkan dan diterima oleh kedua-dua kawasan, kajian ini mendapati tiada keperluan menubuhkan semula DARA dan LKWJ.

Perbandingan Dengan LKW lain, ECER dan Kajian Lepas

Kriteria ini mengkaji melalui 3 sub-kriteria utama iaitu (i) pendapatan isi rumah kasar penengah, (ii) peruntukan kewangan LKW lain jika dibandingkan dengan DARA dan LKWJ, serta (iii) kajian-kajian lepas. Dapatan kajian di bawah sub-kriteria pertama menunjukkan terdapat pendapatan penengah (*median income*) yang lebih rendah di LKW yang masih beroperasi berbanding pendapatan penengah di kawasan DARA dan LKWJ. Seterusnya kajian ini juga mendapati, kawasan DARA dan LKWJ masih menerima peruntukan kewangan berterusan dari pihak kerajaan. Hasil dari kajian-kajian lepas juga turut menyimpulkan penubuhan semula DARA dan LKWJ adalah tidak

perlu. Kajian ini merumuskan bahawa tiada keperluan untuk menubuhkan semula DARA dan LKWJ melalui kriteria ini.

Pandangan Pihak Berkepentingan

Kriteria ini mengkaji melalui 5 sub-kriteria utama iaitu (i) EXCO/ADUN/Penghulu Mukim, (ii) PBT/PDT, (iii) PBT Agensi/Jabatan di Peringkat Negeri, (iv) Syarikat Swasta Yang Mengambilalih, dan (v) ECERDC bagi tujuan mendapatkan persepsi dan maklumbalas pihak berkepentingan terhadap aspek penubuhan semula, pembubaran, persempadanan, infrastruktur, peruntukan dana, isu aset tinggalan, pertindihan fungsi, operasi, bajet, peranan ECER, peruntukan, perkembangan sosioekonomi, kawasan operasi PBT dan cadangan agensi. Kajian ini mendapati EXCO/ADUN/Penghulu, PBT/PDT, Agensi Negeri dan ECERDC berpendapat bahawa wujud keperluan penubuhan semula DARA dan LKWJ manakala Syarikat Swasta yang mengambil alih tidak bersetuju dengan idea penubuhan semula. Disimpulkan bahawa, pihak berkepentingan berpandangan terdapatnya keperluan penubuhan semula DARA dan LKWJ.

Perundangan dan Tadbir Urus

Perundangan dan tadbir urus dinilai melalui 3 sub-kriteria utama iaitu (i) Obligasi Perjanjian Penswastaan, (ii) Pengambilalihan Fungsi oleh Agensi Lain, dan (iii) Prestasi TDKSB dan WJHSB. Kajian ini melihat dari sudut perundangan yang melibatkan penilaian terhadap prestasi obligasi perjanjian penswastaan oleh Syarikat Teras Dara Konsortium Sdn. Bhd. (TDKSB) dan Warisan Jengka Holdings Sdn. Bhd. (WJHSB) dalam aktiviti komersial, sosial dan khidmat bandaran dalam kawasan DARA dan LKWJ. Berdasarkan dapatan kajian, obligasi perjanjian penswastaan telah dipenuhi oleh syarikat swasta yang dipertanggungjawabkan di kedua-dua kawasan. Manakala, kajian tadbir urus mendapati peranan dan fungsi DARA dan LKWJ telah diambil alih oleh pelbagai agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan PBT. Peranan tersebut telah dilaksanakan dengan baik. Kesimpulannya, kajian ini mendapati bagi kriteria undang-undang dan tadbir urus, tiada keperluan menubuhkan semula DARA dan LKWJ.

KESIMPULAN

Penemuan kajian menunjukkan terdapat keperluan dalam menubuhkan semula DARA dan LKWJ berdasarkan keadaan sosioekonomi dan pandangan pihak berkepentingan. Walau bagaimanapun, kriteria pembangunan fizikal, peruntukan, perbandingan antara LKW lain, dan perundangan dan tadbir urus menunjukkan tiada keperluan penubuhan semula. Berdasarkan penilaian terhadap 6 kriteria utama dan 23 sub-kriteria, kajian ini merumuskan 14 sub-kriteria mendapati tiada keperluan untuk penubuhan semula agensi DARA dan LKWJ. Hasil dapatan ini bertitik tolak daripada kajian oleh pihak KPLB pada tahun 2021. Kajian ini turut mencadangkan dua (2) alternatif iaitu (i) memperkasakan agensi persekutuan atau negeri sedia ada di kedua-dua wilayah, dan (ii) penubuhan entiti baharu di peringkat persekutuan atau negeri. Kajian turut mencadangkan supaya alternatif memperkasakan agensi sedia ada lebih sesuai dan praktikal untuk dilaksanakan memandangkan penubuhan entiti baharu persekutuan tidak dibenarkan (Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, 2022) dan memberikan implikasi kewangan yang besar serta proses penggubalan perundangan yang rumit dalam jangka masa yang panjang kepada semua pihak.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh KKDW melalui tender No. KPLB.T.4/2020.

Rujukan

Ali Jahan, Kevin L. Edwards (2013). Multi-Criteria Decision Analysis for Supporting the Selection of Engineering Materials in Product Design. Butterworth-Heinemann. doi: 10.1016/B978-0-08-099386-7.00003-9.

Centre For Policy Studies, Universiti Sains Malaysia (2005). Kajian Impak Pembubaran DARA dan LKWJ. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Johari bin Mat (1979). Regional Development In West Malaysia: A Comparative Effectiveness Study of Jengka, DARA, KEJORA and KETENGAH. Institut Tadbiran Awam Negara.

John F. Sargen Jr (2020, April 29). *The Office of Technology Assessment: History, Authorities, Issues, and Options* (CRS Report No. R46327). <https://crsreports.congress.gov/product/pdf/R/R46327/6>

Kementerian Ekonomi (2018). *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 2016 – 2020*. Kementerian Ekonomi Malaysia.

Kerajaan Malaysia (1972). *Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Akta 68)*

Kerajaan Malaysia (1976). *Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]*. Pindaan terkini P.U.(A)439/2010.

Kerajaan Malaysia (1983). *Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (Akta 285)*

Kerajaan Malaysia (1997). *Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Pembubaran 1997 [Akta 569])*

Kerajaan Malaysia (1997). *Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (Pembubaran 1997 [Akta 567])*.

KPLB (2020). *Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB)*. Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

KPLB (2021). *Kajian Cadangan Penubuhan Semula Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka*. Institut Kemajuan Desa.

Laporan Akhir Kajian Cadangan Penubuhan Semula Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ) 2021

Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (1999). *DARA Dalam Sejarah 1971-1999*. Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Muadzam Shah, Pahang.

Monique Hennink, Bonnie N. Kaiser (2022) Sample sizes for saturation in qualitative research: A systematic review of emperical tests. *Social Science & Medicine* Volume 292: 114523 DOI:10.1016/j.socscimed.2021.114523.

Nor Hayati Sa'at, Abdul Rahman Abdul Latip, Norfatiha Othman, Nazli Aziz, Rosyidah Muhamad (2023). The Effectiveness of Critical Success Factors in Regional Development Programmes Management. *International Journals of Bussiness and Society*, 24(1), 66-81.

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (2022) PB3.1: Garis panduan penjimatan perbelanjaan awam (kemaskini 14 Julai 2022)

Stavros Kalogiannidis, Efstratios Loizou, Dimitrios Kalfas, Fotios Chatzitheodoridis (2022). Local and Regional Management Approaches for the Redesign of Local Development: A Case Study of Greece. *Administrative Sciences*, 12(9). doi: 10.3990/admsci12020069.

Suyash Jolly, M.G. (2020). Agency and actors in regional industrial path development. A framework and longitudinal analysis, *Geoforum*, 111, 176-188 doi: 10.1016/j.geoforum.2020.02.013.

Ugwu Lucy Nkeiruka (2022). An Evaluation of the Performences of the Rural Development Agencies in Enugu State, Nigeria. *Journal of Interior Designing and Regional Planning Volume 4 Issue 1*

Viqra Ramadanti, Agussalim, Sultan Suhab (2023). The Effect of Regional Government Expenditures on Regional Development Inequality in Eastern Indonesia, 2015-2020. *Jambura Equilibrium Journal*, 17-26.